

31/10/1999

Pasukan khas siasat guru Matematik

Syuhada Choo Abdullah

SHAH ALAM: Sebuah pasukan penyiasat khas akan menjalankan siasatan terperinci serta mendapatkan bukti `prima facie' terhadap kes seorang guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jabi di Pokok Sena, Kedah, yang dikenal pasti menyediakan kertas soalan Matematik berunsur politik.

Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Datuk Dr Abdul Shukor Abdullah, berkata siasatan berkenaan akan dilakukan secara teliti, termasuk mendapatkan bukti nyata berhubung kes itu dan juga maklumat mengenai tujuan sebenar di sebalik perbuatan guru terbabit.

Sekiranya terbukti ada `prima facie' terhadap kes berkenaan, beliau yang juga Pengerusi Lembaga Tatatertib Kementerian Pendidikan berkata, guru terbabit boleh dikenakan tindakan disiplin seperti amaran, turun gaji, lucut hak gaji, turun pangkat ataupun dilucutkan jawatan.

Selain itu, beliau berkata, kementerian juga sudah mengarahkan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kedah untuk mengemukakan laporan lengkap serta bukti nyata berkaitan kes berkenaan.

Ketika ini, katanya, guru terbabit hanya dikenakan tindakan pentadbiran, iaitu dipindahkan ke sekolah lain sebagai langkah sementara, sebelum kementerian mengambil tindakan susulan menjalankan siasatan lanjut dan juga mendapatkan bukti `prima facie' berkenaan.

Menurutnya, Kementerian Pendidikan memandang berat dan akan mengambil tindakan tegas untuk menangani kes sedemikian kerana ternyata melanggar etika kerjaya perguruan sekali gus memalukan profesion mulia berkenaan.

"Setiap guru perlu menumpukan perhatian dan menjalankan tugas memberi pendidikan kepada pelajar secara profesional.

"Sebahagian besar golongan guru di negara ini taat terhadap tanggungjawab sebenar mereka tetapi diakui ada segelintir yang bertindak melanggar etika profesion perguruan.

"Sehubungan itu, guru berkenaan dinasihat supaya menghentikan perbuatan sedemikian dan jangan mencampuradukkan tugas dengan politik atau meracuni fikiran pelajar," katanya kepada Berita Minggu selepas merasmikan majlis konvokesyen pertama Politeknik Shah Alam di sini, semalam.

Ketika mengadakan lawatan ke Kedah, baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mendedahkan perbuatan segelintir guru di negeri itu menyelitkan unsur kebencian kepada kerajaan dan juga pemimpin, dalam kertas soalan Matematik untuk pelajar mereka.

Dr Mahathir berkata, soalan itu mengaitkan nama Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin, dan dua anak beliau, iaitu Mirzan dan Mokhzani.

Susulannya, kementerian mengenal pasti seorang guru di SMK Jabi, Pokok Sena dekat Alor Star, menyediakan kertas soalan Matematik berunsur politik dengan tujuan menimbulkan kebencian pelajar terhadap kerajaan dan pemimpin. Guru terbabit mengaku membuat soalan itu tetapi sekadar untuk `berjenaka'.

Sementara itu, Dr Abdul Shukor berkata, kementerian juga memerlukan kerjasama orang ramai, terutama ibu bapa, untuk mengemukakan bukti nyata seperti tarikh, masa, tempat ataupun petikan ucapan sekiranya ada, ketika membuat aduan mengenai tindakan guru yang melanggar etika profesion mereka.

Menurutnya, kementerian memerlukan bukti nyata untuk membolehkan tindakan tatatertib diambil terhadap guru terbabit kerana tindakan pentadbiran, iaitu dipindahkan ke sekolah lain, tidak akan menyelesaikan

masalah.

"Namun, bilangan guru yang terbabit dengan kegiatan antikerajaan hanyalah kecil dan kementerian akan mengambil tindakan tegas serta memantau keadaan dari semasa ke semasa," katanya.

(END)